

Anwar adakan pertemuan ringkas sebelum Trump berlepas ke Jepun

Beri ruang dua pemimpin teliti semula hasil perbincangan dua hala Malaysia-AS

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim, sempat mengadakan pertemuan ringkas dengan Donald Trump sebelum Presiden Amerika Syarikat (AS) itu berlepas ke Tokyo, Jepun, pagi semalam.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu memberi peluang untuk kedua-duanya meneliti semula hasil perbincangan dua hala Malaysia-AS yang diadakan sebelum ini, termasuk kerjasama strategik dalam bidang perdagangan, teknologi dan keselamatan serantau.

"Saya turut menyampaikan penghargaan kepada Presiden Trump atas peranannya yang penting dalam Perjanjian Damai KL (KL Accord) dan Pelan Damai Gaza, yang kedua-duanya memberi sinar harapan bagi mencapai keamanan yang adil dan berkeadilan," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Trump yang tiba di Kuala Lumpur kelmarin untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-AS ke-13, bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan, turut mengadakan beberapa mesyuarat bilateral dengan pe-

mimpin serantau.

Presiden AS itu juga menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Damai Kuala Lumpur di antara Thailand dan Kemboja, yang bertujuan menyelesaikan pertikaian sempadan yang berlarutan selama beberapa dekad membabitkan dua negara berjirani.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 anjuran Malaysia selaku Pengerusi, bertemakan 'Keterangkuman dan Kemampanan' menumpukan kepada usaha memperkukuh integrasi serantau, memperdalam kerjasama ekonomi serta menangani cabaran global, termasuk isu keamanan dan keselamatan di rantau Asia-Pasifik.

Majlis rai Timor-Leste

Sementara itu, Anwar yang juga Pengerusi ASEAN, meluangkan masa menghadiri Majlis Resepsi sempena penyertaan Timor-Leste ke dalam ASEAN bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Ketika berucap di majlis itu, beliau berkata, Malaysia dan ASEAN menghargai kesungguhan Timor-Leste menjadi sebahagian komuniti ASEAN, termasuk untuk menuruti segala syarat yang ditetapkan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, biarpun mungkin berdepan kesukaran pada mulanya, namun Timor-Leste buktikan komitmen untuk menjadi rakan baharu yang berfungsi dan berkesan.

Beliau menyifatkan, penyertaan Timor-Leste sebagai anggota



Pertemuan ringkas antara Anwar dan Trump di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

ke-11 ASEAN semalam juga, satu detik bersejarah dalam usaha memperkukuh integrasi serantau serta komitmen bersama negara anggota ASEAN terhadap keamanan, kerjasama dan kemakmuran di Asia Tenggara.

"Bagi pihak semua rakan kepimpinan (ASEAN) saya, kami boleh meyakinkan anda, kami akan menganggap anda sebagai rakan yang benar-benar berfungsi dan berkesan. Kami mema-

hami kesusahan, harapan dan aspirasi anda.

"Marilah kita bersatu membina ASEAN ini bersama. Terima kasih kerana sedia mempertimbangkan dan menerima semua syarat dikenakan di koridor ini. Biarpun mungkin sukar pada mulanya, tetapi anda melakukannya dengan baik," katanya.

Majlis makan tengah hari itu turut dihadiri Presiden Timor-Leste, Jose Ramos-Horta dan

Perdana Menteri, Xanana Gusmao; Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres serta Presiden Majlis Kesatuan Eropah (EU), Antonio Costa.

Sementara itu, Gusmao dalam ucapan ringkasnya turut mengajak pemimpin utama ASEAN serta pemimpin antarabangsa lain berkunjung ke negaranya, bersama dengan visinya untuk membangunkan Timor-Leste.